

LBS terima pengiktirafan MBOR bagi pembangunan BSP21

KUALA LANGAT - LBS Bina Group Sdn Bhd (LBS) menempa sejarah apabila menerima pengiktirafan daripada *Malaysia Book Of Record* (MBOR) bagi pembangunan Bandar Saujana Putra 21 (BSP21) semalam.

BSP21 dilengkapi dengan 103 fasiliti ter moden, canggih dan selesa direkodkan sebagai kediaman pang sapuri yang mempunyai bilangan fasiliti terbanyak di negara ini.

Pengarah Urusan Kumpulan LBS, Tan Sri Lim Hock San berkata, pencapaian bersejarah itu turut disertai dengan kejayaan projek blok pembangunan terakhir BSP21 yang siap lebih awal daripada jangkaan.

"BSP21 merupakan pembangunan pang sapuri perkhidmatan yang terdiri daripada 2,602 unit merangkumi 10 blok pang sapuri 18 tingkat dan 27 tingkat.

"Pembangunan ini mempunyai tiga podium yang dihubungkan dengan jambatan langit dan turut menawarkan pemandangan hijau di sekitarnya," katanya selepas Majlis Penyampaian sijil Anugerah MBOR di BSP21 di sini semalam.

Hadir sama, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari; Pengasas dan Penasihat MBOR, Tan Sri Danny Ooi dan Ketua Pegawai Operasi MBOR, Christopher Wong.

Hock San berkata, BSP21 mena-



BSP21 menawarkan lebih daripada 100 kemudahan yang dilihamkan oleh gaya hidup di kawasan seluas lapan hektar.



BSP21 menyediakan fasiliti kolam renang dan kelab rekreasi yang merentangi empat aras.

warkan lebih 100 kemudahan yang dilihamkan oleh gaya hidup kini di kawasan seluas lapan hektar sekali gus sebagai kediaman yang memenuhi ciri-ciri kediaman sejahtera.

"Fasiliti kemudahan direka bentuk dengan teliti untuk memenuhi keperluan pelbagai generasi penduduk dan sesuai bagi semua lapisan umur.

"BSP21 menyediakan fasiliti kolam renang sebesar 19 gelanggang badminton dan kelab rekreasi seluas lebih 6,131 meter persegi yang merentangi empat aras," katanya.

Katanya, antara lain yang dise-

diakan termasuk taman tema me ngandungi tiga podium.

"Antaranya trek jogging, trek ber basikal sejauh 2.3 kilometer serta ruang hijau seperti Tree House Pavilion untuk penduduk dan keluarga bersantai.

"Bagi menggalakkan persekitaran yang kondusif, BSP21 dilengkapi dengan sistem keselamatan tiga peringkat lif dengan pengawasan ka mera litar tertutup (CCTV) manakala untuk meningkatkan keyakinan dan keselamatan penduduk, tempat letak kereta dilengkapi dengan bu tang panik," katanya.



Amirudin (kiri) mencuba permainan golf di fasiliti yang disediakan di kediaman pang sapuri di BSP21.